

Buletin Taiping

Bandar Pelancongan Warisan



MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

DITERBITKAN
SEJAK 1994

EDARAN PERCUMA | TAHUN KE 10 | EDISI 13.1.2014



**SELAMAT BERTUGAS
YANG DIPERTUA MPT KE-15
YBHGS. DATO' HAJI ABD RAHIM BIN MD ARIFF**

*Melawat Taiping Eranya
Anda Melawat Malaysia*

Menarik Di Dalam



**LAWATAN KETUA PENGARAH
PERKHIDMATAN AWAM (KPPA)**



**SEMINAR TRANSFORMASI
PENJAJA / PENIAGA**



MAJLIS PERBANDARAN TAIPING



Kandungan

4. LAWATAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM (KPPA)
5. PROGRAM INSENTIF BAYARAN CUKAI TAKSIRAN CABUTAN BERTUAH PROGRAM INSENTIF CUKAI TAHUN 2014
6. MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN PENGHARGAAN PENCEN 2013 LAWATAN-LAWATAN
7. MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS MPT 2014 KURSUS KAKITANGAN MPT KURSUS PENGURUSAN REKOD DAN FAIL
8. BENGKEL INOVASI (PEMANTAPAN PENYEDIAAN DOKUMENTASI) SEMINAR KESERONOKAN BEKERJA PADA 11 FEBRUARI 2014
9. AKTIVITI PROGRAM TURUN PADANG (TURPA)
10. LAWATAN PESERTA ANTARABANGSA KURSUS IFWC 14
11. PROGRAM MAJLIS MASYARAKAT SIVIL MMS/LA21/KOMUNITI
12. SEMINAR TRANSFORMASI PENJAJA / PENIAGA
13. PROGRAM PERTANDINGAN GOLF SANTAI
- 14-15. SAMBUTAN TAHUN BARU CINA PERINGKAT KEBANGSAAN 2014 DI TAIPING
16. TEMUBUAL DATO' YDP
17. KAMI PRIHATIN
18. AKTIVITI KOMUNITI
19. SEMINAR PENGURUSAN BANGUNAN BERSTRATA
20. SAMBUTAN MAULIDUR RASUL TAHUN 1435H
21. PROGRAM BERSAMA AGENSI-AGENSI
22. PROGRAM BAZAR INDUSTRI KREATIF 2014 ZON UTARA
23. MAJLIS MENANDATANGANI MOU ANTARA MAJLIS PERBANDARAN TAIPING DENGAN JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERAK
- 24-25. AKTIVITI SUKAN
26. BERITA ANULAE CAWANGAN PERAK UTARA
27. HARI-HARI PERISTIWA PENTING SAMBUTAN PBT
- 28-29. RANGKUMAN PERISTIWA
30. KOLUMNIS
31. INFO PELANCONGAN
32. TERIMA KASIH DAN JASAMU TETAP DIKENANG

Nota Editor

Salam Sejahtera dan Salam Kemerdekaan

KEPERCAYAAN DALAM PEKERJAAN

Syukur ke hadrat Allah Taala kerana diberikan kesempatan untuk terus berbicara dalam BULETIN MPT Edisi 13.1.2014

Berkomunikasi pada keluaran kali ini mempertemukan kita dengan Kepimpinan dan Pengurusan yang baru di Meja Redaksi. Pertamanya Sidang Redaksi mengucapkan Selamat Datang dan Selamat Bertugas kepada Yang Berbahagia Dato' Haji Abd Rahim Bin Md Ariff Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Taiping yang ke 15 (yang baru) mulai 15 April 2014. Semoga Yang Berbahagia Dato' akan terus memberi inspirasi dan mengekalkan momentum kecermerlangan pengurusan MPT dengan konsisten bahkan dengan lebih baik lagi.

Membicarakan soal kepercayaan atau 'Trust' dalam pekerjaan bermaksud kita bercakap soal 'kebolehpercayaan orang terhadap seseorang yang lain.' Maka apa yang ingin diperkatakan kali ini akan memfokuskan kepada usaha-usaha untuk melahirkan pekerja dan warga kerja MPT yang kompeten dan boleh dipercayai dalam menunaikan amanah dan melaksanakan tanggungjawab dari semasa ke semasa. Terdapat lima ciri yang disifatkan orang yang boleh dipercayai dalam konteks pekerjaan laitut:

1. Mempunyal ilmu pengetahuan
2. Berkemahiran
3. Berpengalaman
4. Mempunyal kelayakan / kelulusan akademik (Samaada secara formal atau informal)
5. Mempunyal kebolehan untuk menjadikan apa yang dirancang menjadi kenyataan

Kelima-lima ciri di atas adalah subjektif dan bersifat komplimentari antara satu sama lain. Namun begitu nilai-nilai kepercayaan dalam pekerjaan amat berkaitan dengan bagaimana seorang pekerja itu dapat menjalankan tugas dan dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik. Sungguhpun demikian ciri-ciri yang dinyatakan tidak juga dapat menjamin seseorang itu tidak akan melakukan kesilapan atau melakukan kesalahan sekiranya tiada nilai-nilai integriti dalam pengurusan, keperibadian mulia dan profesionalisme.

Kesimpulannya untuk kita memastikan yang kepercayaan seseorang kepada kita konsisten maka, kita hendaklah menghindarkan sifat kemalasan dalam pekerjaan dan juga sikap suka bertangguh sewaktu menunaikan pekerjaan. Amanah mestilah dilihara dan amalan berintegriti menjadi pegangan hidup. Disamping itu jangan berkelakuan ataupun melakukan sesuatu yang menghilangkan tahap kepercayaan seseorang kepada kita.

Akhir bicara ingatlah kata-kata ini 'Jangan kita malu menjadi wargakerja MPT tetapi yang lebih penting jangan kita memalukan MPT dengan pekerjaan yang menjelaskan nama baik MPT'.

SELAMAT MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN KE 57 DAN ULANG TAHUN MPT KE 35 @ 2014

MOHAMAD JAAFAR
Ketua Editor



Sidang Pengarang

PENASIHAT

DATO' HAJI ABD RAHIM BIN MD ARIFF YANG DIPERTUA, MPT

PENGURUSI

BORHAN ABDUL HALIM, AMP., PPT
SETIAUSAHA PERBANDARAN, MPT

KETUA EDITOR

MOHAMAD JAAFAR, PPT.

EDITOR

MOHD. SHAHIDAN OTHMAN, PPT., PJK.

URUSETIA

TN. HJ. ABD. RASHID BIN ABD. HALIM
NORIZAM SALLEH
NURZEAHAN MOHD ISHAK
NURUL IZZATY SYAHIRAH AHMAD SABRI
(PELAJAR PELATIH)

PENERBIT

BAHAGIAN HAL EHWAL KOMUNITI & SOSIAL
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
MAJLIS PERBANDARAN TAIPING



Mesej Yang Dipertua MPT

*Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh,*

Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia,
Salam Perak Aman Jaya

Pertama tamanya saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana diberi peluang dan kesempatan untuk membuka bicara dalam BULETIN MPT Edisi 13.1.2014

Ketika saya diberi peluang menjawat jawatan sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping ke 15 mulai 15 April 2014 saya menyifatkan ini satu Amanah yang berat untuk ditunaikan. Namun begitu dengan adanya pasukan pengurusan yang mantap lagi berwibawa saya berkeyakinan tanggungjawab untuk menerajui sebuah PBT ini boleh dipikul demi membawa MPT ke mercu kegemilangan dengan satu tekad dan komitmen ke arah memberi perkhidmatan terbaik kepada warga kerja MPT, pelanggan, stakeholders dan rakyat keseluruhannya.

Komitmen saya apabila diberi kepercayaan untuk mentadbir Majlis Perbandaran Taiping ialah untuk memberi keutamaan kepada Tiga Fokus Utama iaitu:

Pertama

Mengutamakan Perancangan - Yakni dengan memberi tumpuan bagi memastikan dan meneruskan pelaksanaan perancangan sedia ada dan akan datang untuk menjadikan Taiping Bandar

Pelancongan Warisan dengan prinsip 'Planning For Future' termasuklah menjayakan Program Bandar Selamat serta dasar-dasar perancangan dalam Rancangan Struktur Taiping dan Rancangan Khas Kawasan Taiping dapat dilaksanakan dalam tempoh yang dijadualkan.

Kedua

Pengukuhan Pengurusan Berkualiti - Memberi penekanan dan memastikan MPT terus memperkasakan tahap Pengurusan Tadbir Urus yang berteraskan 'Standard' dan budaya kerja cemerlang, pengurusan Kualiti yang diiktiraf dengan penghasilan pembudayaan Inovasi Perkhidmatan dan produk dalam Pengurusan serta menjadi Penandaarasan Amalan Terbaik kepada PBT lain di peringkat Negeri, Kebangsaan dan Antarabangsa. Usaha-usaha memantapkan prosedur dan proses kerja serta penambahbaikan. Sistem penyampaian juga akan diperkuatkkan dari semasa ke semasa.

Ketiga

Merancakkan Program bersama Komuniti

- Memastikan MPT mempertingkatkan dan memperbanyakkan jaringan, hubungan dan penglibatan dengan komuniti dan rakyat. Usaha ini akan dipertingkatkan dengan memperbanyakkan aktiviti LA21 dan program Majlis Masyarakat Sivil (MMS). Disamping itu program mempromosikan produk pelancongan Zoo Taiping & Night Safari akan terus diberi keutamaan sebagai Ikon Pelancongan Perak dan Malaysia. Begitu juga dengan penganjuran program pengantaraan diadakan di Bandar Taiping boleh di perbanyakkan, dan program sediaada diperkuatkkan. Aktiviti kesukanan dan rekreasi juga boleh dianjurkan sebagai usaha menjadikan Bandar Taiping destinasi bersukan dan melahirkan warga penduduk yang mengamalkan gaya hidup sihat.

Menjadi Harapan saya agar tiga fokus utama yang dinyatakan dapat direalisasikan dalam tempoh perkhidmatan saya di Taiping. Insha Allah.

Akhir kata saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan ke 57 – 31 Ogos 2014 dan Selamat Menyambut Ulang Tahun MPT ke 35 - 1 September 2014

Sekian Terima Kasih

Dato' Haji Abd Rahim Bin Md Ariff
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Taiping

LAWATAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM (KPPA)

Sempena Program Semarak Transformasi Perkhidmatan Awam
Peringkat Negeri Perak

Tanggal 25 April merupakan satu tarikh bertuah bagi anggota Majlis Perbandaran Taiping khususnya dan kakitangan awam di daerah Taiping amnya kerana menerima kunjungan Ybhg Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal Abidin Ketua Pengarah Perkhidmatan

Awam Malaysia. Beliau dibawa melawat persekitaran kaunter Majlis Perbandaran Taiping dan seterusnya menyampaikan ucapan kepada anggota awam Daerah Taiping didalam satu perhimpunan khas di Dewan Perbandaran Taiping.



PROGRAM SEMARAKKAN
TRANSFORMASI
PERKHIDMATAN AWAM
DI NEGERI PERAK





PROGRAM INSENTIF BAYARAN CUKAI TAKSIRAN



2 JAN-13 JAN : Sebagai menghargai Warga Perbandaran Taiping, Majlis Perbandaran Taiping sekali lagi melancarkan Program Insentif Bayaran Cukai Taksiran untuk tahun 2014. Berbagai hadiah insentif disediakan dengan hadiah utama sebuah Motosikal Untuk pembayar cukai bertuah. Semua pembayar cukai membayar secara setahun layak untuk cabutan bertuah.



CABUTAN BERTUAH PROGRAM INSENTIF CUKAI TAHUN 2014

Pada 27 April 2014, Bertempat
Dewan Perbandaran Taiping



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN PENGHARGAAN PENCEN 2013



28 FEB : Sebagai menghargai khidmat cemerlang kakitangan bagi tahun 2013 Majlis Penyampaian Anugerah Khidmat Cemerlang telah diadakan pada 28 Februari 2014. Tetamu Khas ialah YB Dato' Seri Abdul Puhat bin Mat Nayan. Seramai 30 orang telah menerima pengiktirafan atas khidmat cemerlang mereka pada tahun 2013. YDP juga telah menyediakan Dua

Anugerah Khas YDP iaitu hadiah paket mengerjakan umrah di Tanah Suci Makkah. Sempena Sambutan Ulang Tahun MPT ke 35/2014. Mereka yang berjaya menerima anugerah khas YDP adalah En Mohamad bin Hj Jaafar Ketua Unit Audit Dalam dan Kualiti dan En Yusof Abas dari Jabatan Kejuruteraan. Tahniah dan syabas kepada penerima.



LAWATAN-LAWATAN

- Lawatan kerja dari Jabatan Perancang Melaka bersama wakil 4 PBT Negeri Melaka pada 8/9 Januari 2014
- Lawatan dari Majlis Perbandaran Kulai Johor untuk perlaksanaan kios penjaja pada 27 Mac 2014
- Lawatan dari " Mayor of Thungsong City " Thailand and Delegates ke MPT pada 1 April 2014
- Lawatan dari Majlis Sungai Petani pada 16 April 2014
- Lawatan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya untuk perlaksanaan kios penjaja pada 22 Mei 2014



Lawatan Kerja Jabatan Perancangan Bandar Melaka Serta Wakil PBT Negeri Melaka Pada 8/9 Januari 2014



Lawatan dari " Mayor Of Thungsong City " Thailand And Delegates Ke MPT Pada 01 April 2014



Lawatan Kerja Majlis Perbandaran Kulai, Johor - Untuk Perlaksanaan Kios Penjaja pada 01 April 2014

MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS MPT 2014



Majlis Angkat Sumpah menerima jawatan Ahli Majlis telah diadakan bertempat di Dewan Perbandaran Taiping. Seramai 19 orang terlibat. Paling istimewa Majlis kali ini diadakan

serentak dengan Perhimpunan Korporat Majlis Perbandaran Taiping. Buat pertama kali kira-kira 400 anggota Majlis Perbandaran Taiping dapat menyaksikan Majlis Angkat Sumpah ini secara langsung dan dapat melihat dengan proses angkat sumpah dan siapa ahli yang terpilih.

30 APRIL 2014

Majlis Angkat Sumpah YDP baru & Ahli Majlis (wakil MCA) 2014.



KURSUS KAKITANGAN MPT

Pada 24 - 26 Januari 2014 bertempat di Banding Resort satu Bengkel Transformasi Pelan Strategik MPT 2010-2015 dan Sasaran Kerja Tahunan 2014 telah diadakan dan kira-kira 60 orang kakitangan MPT turut terlibat. Tujuan bengkel diadakan adalah untuk membuat penambahbaikan dan juga memperbaharui tekad dalam menuju kecemerlangan berterusan.



KURSUS PENGURUSAN REKOD DAN FAIL

Bagi memantapkan Kursus Pengurusan Rekod dan Fail satu kursus berkaitan telah diadakan pada 4 hingga 6 Februari bertempat di Dewan Teratai Wisma Perbandaran Taiping.



BENGKEL INOVASI (PEMANTAPAN PENYEDIAAN DOKUMENTASI)

16 JUN 2014 : Dalam usaha membudayakan inovasi di MPT, satu kursus/bengkel berkaitan penyediaan dokumentasi telah diadakan dengan penceramahnya ialah Dr. Yahya Osman dari IPG Ulu Kinta.



SEMINAR KESERONOKAN BEKERJA PADA 11 FEBRUARI 2014

Beberapa siri Seminar Keseronokan Bekerja untuk kakitangan MPT telah didakwa di Dewan Perbandaran Taiping dan telah menyuntik satu semangat baru kepada kakitangan yang terlibat.





AKTIVITI PROGRAM TURUN PADANG (TURPA)

Program turun padang adalah amalan yang menjadi rutin anggota MPT khususnya bagi YDP dan Pegawai Kanan beserta Ahli Majlis dalam usaha mencari penyelesaian dan keberkesanannya tindakan penambahbaikan yang lebih terhadap pemasalahan/isu perbandaran.

1. Turun padang ke Kg Boyan berkaitan banjir
2. Turun padang ke kawasan pasar Kamunting dan padang bola.
3. Lawatan ke kilang bersama YB. Dato' Mohamad Zahir bin Abdul Khalid.



LATEXX
PARTNERS BERHAD
A MEMBER OF THE BENEFIT GROUP





LAWATAN PESERTA ANTARABANGSA KURSUS IFWC 14

19 JUN : MPT menjadi hos kepada lawatan daripada Pegawai dan Anggota Tentera peserta kursus IFWC 14 ke Taiping terdiri daripada Singapura, Australia, New Zealand dan United Kingdom termasuk Malaysia. Lawatan ini bertujuan mendedahkan peserta kepada peranan yang dimainkan oleh tentera Komanwel semasa perang dunia ke 2. Taklimat dan lawatan diadakan di Tapak Peringatan Perang di Jalan Bukit Larut.





PROGRAM MAJLIS MASYARAKAT SIVIL MMS/LA21/KOMUNITI

MMS adalah satu jawatankuasa yang ditubuhkan di setiap PBT Negeri Perak yang dianggotai oleh ahli-ahli pertubuhan bukan kerajaan NGO yang mempunyai kepakaran berbagai mewakili suara komuniti dalam usaha membantu PBT mempertingkatkan perkhidmatan perbandaran, juga untuk memantapkan Program LA21. Tahun 2014 sebanyak 5 aktiviti dirancang MPT yang melibatkan komuniti, yang telah dilaksanakan adalah:

- satu program yang dinamakan Kempen Dan Gotong Royong Cintai Alam Sekitar Kita bertempat disatu

sudut Taman Tasik Taiping telah diadakan. Program turut dihadiri Orang Besar Jajahan dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping, Ahli Majlis dan Ahli MMS. Program diadakan pada 27 April 2014.




Sempena Sambutan Hari Bumi 2014 (Earth Day)



SEMINAR TRANSFORMASI PENJAJA / PENIAGA

Dimana antara tujuan utamanya untuk memberi pendedahan kepada komuniti penjaja apa pandangan dan apa kehendak orang ramai terhadap mereka. Seminar diisi dengan ceramah motivasi dan kesihatan serta santai petang bersama Dato' YDP (MPT)





PROGRAM PERTANDINGAN GOLF SANTAI



4 JAN : Program Pertandingan Golf Santai telah diadakan bagi meraikan Ybhg. Dato' Harun Rawi mantan Pegawai Daerah yang telah dilantik menjadi Datuk Bandaraya Ipoh. Seramai 33 orang Pegawai Kanan di Negeri Perak mengambil bahagian. Turut sama YB Dato' Seri Abdul Puhat Mat Nayan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.






SAMBUTAN TAHUN BARU CINA PERINGKAT KEBANGSAAN 2014 DI TAIPING

8 FEB : Penduduk Taiping merasa bertuah kerana Bandar Taiping telah dipilih untuk Sambutan Perayaan tahun Baru Cina Peringkat Kebangsaan. Kehadiran Tetamu istimewa iaitu Perdana Menteri Malaysia YAB Datuk Seri Mohd Najib Tun Abd Razak bersama isteri menjadikan Taiping dan warganya amat teruja dan beramai-

ramai membanjiri lokasi sambutan iaitu di Dataran hadapan Wisma Perbandaran Taiping dan Pejabat Daerah. Kira-kira 50000 orang dari pelbagai kaum yang hadir telah dijamu dengan makanan istimewa dan persembahan artis terkenal. Kemuncak perayaan adalah persembahan bunga api.





TEMUBUAL DATO' YDP

Your Voice In The Community

TAIPEH ECHO

June 1-15, 2014

111

Personality

Rahim at Ease with His Responsibilities

by Angain

Former Secretary of Ipoh City Council, Dato' Haji Abdul Rahim bin Md Ariff is falling back on his 30 years experience at Ipoh City Council to manage Taiping Municipal Council the way he deems fit. In this exclusive interview with Ipoh Echo the newly-named Council President unveils his plans for a better Taiping, a heritage town noted for its many firsts.

Ipoh Echo: With over 30 years experience in managing a local council what are the challenges you face in helming the Taiping Municipal Council?

The main challenge is perfecting the municipal council's delivery system to better serve the people of Taiping. We try to provide the best services in spite of the many constraints and I feel we have done a pretty good job. There are over 1000 reports lodged over the period of five months compared to over a 1000 reports lodged in a month at Ipoh City Council. The Taiping Municipal Council staffs have done an excellent job. As to whether my experience with Ipoh City Council would help, that's a definite yes. After all, similar laws are in force in all local councils throughout the country. And having worked in Ipoh for over 30 years, I find it easier to apply them here in Taiping. I got going the very first day on the job. Taiping is much smaller than Ipoh having just one third of Ipoh's population. Hence, it's a lot easier to tackle the challenges.



Ipoh Echo: Taiping is noted for its tourism potential, especially in ecology and heritage. How do you plan on exploiting and maximising these two sectors in order to realise the goals and aspirations of the state government and that of Taiping folks? Yes, Taiping is blessed. It has many tourism products that are the envy of other countries and cities around the world. We have the sea at Kuala Sepetang. We have a lake and we have two hills, Bukit Merah and Bukit Larut nearby. Not forgetting, heritage buildings that are over 100 years old. We have it all. These tourism products have been marketed before but over the past few years, they have been marketed very aggressively. This is largely due to financial assistance from the Northern Corridor Implementation Authority (NCIA), and one of the biggest beneficiaries is the Taiping Zoo. I notice how proud Taiping folks are of their heritage. Recently, when officiating Earth Day, they indicated their keenness in conserving their town's heritage. We'll focus on heritage preservation by implementing recommendations made through studies. Among our long-term strategies include a heritage trail, very much similar to the one in Ipoh, and a rain tree walk in front of Hotel Flemington. The state government has promised to build a botanical garden. A 60-acre site, within the 200-acre plus Lake Gardens, has been identified for the project.

Ipoh Echo: Ipohites, generally are more vocal when it comes to voicing their dissatisfactions with the local council as opposed to Taiping folks who are rather compliant. Is this a plus point or does it offer you a different kind of challenge entirely?

I am of the opinion that if you complain less, you're contented. The disruption in municipal services in Taiping is not much of an issue, as services like rubbish collection and drain maintenance have been functioning very well. Of course, since Taiping has a high precipitation average, flash flood is an everyday occurrence. Nevertheless, we have very few complaints. The people, however, have plenty of avenues to voice their dissatisfactions like e-aduan and the media. Incidentally, the municipal obtained a 4-star rating from the government recently. We are placed 16th out of 166 municipalities rated nationwide. The evaluation criteria cover people's expectations, delivery system, council's services and so on. We scored a credible 82 per cent. Based on that, I feel the municipal has done exceptionally well.

Ipoh Echo: Taiping has many popular tourism products, namely Taiping Zoo and Lake Gardens. What are your plans to ensure that these icons remain popular,

attractive and at par or better than the best in the world? The upkeep and development of these products require a lot of money and this is our major setback. However, I am thankful that with the federal government supporting us through the NCIA, so long as we have the backing, Taiping will do fine. If we look at numbers, these places are growing in popularity. Last year over 700,000 people visited Tulping Zoo compared to over 800,000 with Zoo Negara. The NCIA is actively packaging day trips from Penang. With Taiping being a mere 40 minutes away and thanks to the second Penang Bridge, we are witnessing an influx of tourists from Penang visiting our town. On weekends, especially in Kuala Sepetang, there are dozens of tour busses off-loading visitors keen on seeing the thriving mangrove swamps and to patronise the many seafood restaurants.

Ipoh Echo: Taiping is fast becoming a traffic-congested town, as the number of vehicles in the streets is on the rise. What are your long-term plans to overcome this problem?

Frankly, traffic congestion is not a major issue at the moment. We have done a traffic-flow study with the help of local consultants. That study is ongoing but we appreciate the town folks' concerns with vehicular traffic. Development in Taiping, however, is concentrated more towards Kamunting and not in the town centre. This is done to minimise impact caused by vehicle movements.

Ipoh Echo: The former mayor of Ipoh, Dato' Rosli Hashim has demonstrated that a close rapport with the media and the people goes a long way when it comes to winning the hearts and minds of the populace. Do you subscribe to this belief? If you do, how do you intend on making it work to your favour?

Of course, I certainly subscribe to the belief. It is important to be media friendly. In fact, one of the first things I did upon assuming the post of President was to have a media get-together. We had breakfast with local media representatives and I then unveiled my plans and vision of the Municipal. I have plans for a Dataran Warisan (heritage square) like the one opposite the Ipoh railway station. Thankfully, the Prime Minister has approved a RM2.5 million funding for the project. I will certainly emulate Dato' Rosli and maintain a healthy relationship with the media. It is important because they are the bridge that connects us to the masses.

Ipoh Echo: Plenty of thoughts have been put into developing Taiping and making it more attractive to tourists. With these developments there is a risk that Taiping may lose its rustic and provincial charms. Is this good or bad?

Developments create economic opportunities for Taiping's business community. The hospitality industry is booming and new hotels are mushrooming late. I look at it on the positive side. These activities help make the town and the Council richer. With additional money the Council is able to improve its services and build better infrastructures. However, we have to exercise caution in order to maintain Taiping's image as a heritage town. The skyline, for example, is controlled. No buildings over 10 storeys are allowed to be built in the town centre. Other efforts too are put in place to maintain the integrity. It is important that we strike a balance between modernising Taiping and maintaining its rustic charms.

Ipoh Echo: Last but not least, hockey remains dear to your heart. Do you have plans to revive the sport in Taiping, as the town has produced many hockey greats?

Hockey has always been one of the more popular sports in Taiping. However, it is not our priority at the moment. The reason is simple we lack the resources to develop the game. It is the government's policy to have an artificial hockey pitch in every district. There is one in Ipoh, Kuala Kangsar and even Manjung. Taiping has yet to have one. The nearest we have now is a half-artificial pitch at Sekolah Sultan Azlan Shah. I'll be working hard to acquire one soon.



KAMI PRIHATIN

26 FEB : Dalam kesibukan menjalankan tugas kebajikan kakitangan tidak dilabaikan. Satu program ziarah telah diadakan dengan dihadiri Tuan YDP, Tuan Setiausaha Perbandaran beserta Pegawai Kanan MPT. Seramai 4 orang pekerja dan pesara MPT yang sakit dan uzur telah di ziarahi. Sumbangan barang keperluan dan wang tunai diserahkan kepada kakitangan tersebut sebagai menandakan simpati dan doa anggota MPT seluruhnya untuk kesembuhan segera.



AKTIVITI KOMUNITI

- GOTONG ROYONG penduduk Taman Jana 3 Aktiviti yang dijalankan menanam pokok hiasan, membersih longkang, taman kanak-kanak dan kempen hapus tempat pembiakan nyamuk.



- Persatuan Penduduk Taman Assamara aktiviti sumbangan bantuan kepada mereka yang memerlukan sempena kedatangan bulan Ramadhan bulan penuh keberkatan.





SEMINAR PENGURUSAN BANGUNAN BERSTRATA

Telah diadakan pada 27 April dengan dihadiri penghuni-penghuni rumah Flat di sekitar Taiping dan Kamunting. Majlis dirasmikan oleh YBhg Dato' Hj. Abdul Rahim Md Ariff Yang Dipertua MPT. Penceramah undangan En.TEO LIM SEN Dari Majlis Perbandaran Sepang. Program anjuran Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPT dengan kerjasama KPKT





SAMBUTAN MAULIDUR RASUL TAHUN 1435H

Bertempat di Dewan Perbandaran Taiping satu ceramah sempena Maulidur Rasul telah diadakan Penceramah undangan iaitu Ustaz Shahul Hamid Seeni Mohd (Pencetus Ummah) telah 'memukau' mereka yang hadir dengan pengisian yang cukup menginsafkan. Kehadiran beliau berjaya menarik ramai kakitangan kerajaan sehingga memenuhi Dewan dan mengikuti program dengan penuh perhatian.





PROGRAM BERSAMA AGENSI-AGENSI

Majlis Penyerahan Projek Dan Penyampaian Kunci Rumah Pangaspuri Simpang Perdana, Taiping yang disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Perak. Turut hadir Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique.





PROGRAM BAZAR INDUSTRI KREATIF 2014 ZON UTARA

Pada 21 dan 22 Jun 2014 Program Bazar Industri Kreatif anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Perak dengan kerjasama MPT telah diadakan bertempat di Pavillion Zoo Taiping. Antara aktiviti adalah mempamerkan barang termasuk masakan dari Negeri-Negeri Utara Semenanjung Malaysia Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Majlis perasmian disempurnakan oleh YDP Majlis Perbandaran Taiping.






MAJLIS MENANDATANGANI MOU ANTARA MAJLIS PERBANDARAN TAIPING DENGAN JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PERAK

- 20 Februari 2014





AKTIVITI SUKAN

9.4.2014 - Pertandingan boling kakitangan
Majlis Perbandaran Taiping







BERITA ANULAE CAWANGAN PERAK UTARA

- Tanggal 27 Jun 2014 Mesyuarat Agung Tri Tahunan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Pihak Berkuasa Tempatan Semenanjung Malaysia ANULAE yang ke 22. Dirasmikan oleh Ybhg Dato' Abd Rahim Md Ariff Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping. Tetamu Kehormat adalah Sdr Aziz Muda Presiden CUEPACS merangkap Presiden ANULAE beserta dengan beberapa orang AJK ANULAE Semenanjung Malaysia.





TAHUKAH ANDA?

HARI-HARI PERISTIWA PENTING SAMBUTAN PBT.

1 SEPTEMBER (1979/2014)

**HARI ULANGTAHUN
MPT KE-35**

11

NOVEMBER



19 NOVEMBER

**HARI TANDAS
SEDUNIA**

31 OKTOBER

**HARI INOVASI
PERKHIDMATAN
AWAM**

3 MAC

**HARI LANDSKAP
NEGARA**



8 NOVEMBER

HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA



RANGKUMAN PERISTIWA

KENANGAN MANIS







CERMIN PRODUKTIVITI KELUAR DARI 'ZON SELESA'

Salam sejahtera, salam kasih sayang untuk seluruh warga kerja MPT.

Bicara kita kali ini menyentuh mengenai bagaimana perlunya warga kerja MPT menyatakan kesediaan untuk melakukan anjakan dan berada pada landasan yang betul supaya apa yang kita sumbangkan kepada pelanggan dan rakyat berasaskan amalan-amalan terbaik dengan kaedah sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan.

Untuk memenuhi hasrat ini warga kerja MPT digesa supaya tidak lagi berada pada tahap budaya kerja yang berada di 'zon selesa' yang penuh dengan keselesaan', sebaliknya mestilah bersedia untuk berusaha dan melakukan perubahan mengurus dan memajukan Bandar

Taiping secara bersepdu berteraskan standard budaya kerja organisasi PBT berprestasi tinggi, dinamik dan 'futuristik'

Ke arah ini kita mengharapkan MPT akan kekal berada sebagai organisasi yang memiliki pekerja proaktif dan produktif dengan memiliki kriteria-kriteria berikut:

Pertama

Pekerja yang lebih komited tentang kerja, bersemangat tinggi dan bertanggungjawab serta seronok menyelesaikan tugas dan cabaran yang mendarang.

Kedua

Produktiviti kerja meningkat dan seterusnya membawa keuntungan lebih besar kepada organisasi.

Ketiga

Pekerja akan sayangkan organisasi tempat dia mencari rezeki dan mereka berasa syukur yang mendalam serta menjaga keberkatan rezeki yang dibawa pulang untuk ahli keluarga tanpa adanya 'rasuah masa dan berhutang kerja'.

Keempat

Pekerja pasti akan menguruskan masanya dengan lebih berkesan dan menghasilkan kerja yang lebih berkualiti dengan membudayakan inovasi dalam pengurusan harian.

Kelima

Pekerja boleh melaksanakan kerja dengan tahap pengawasan yang rendah dan mampu berdiskusi, bersatu hati dan berkeyakinan tinggi tanpa mendatangkan masalah kepada pihak pengurusan dari segi disiplin.

Sesungguhnya dengan memiliki pekerja yang sentiasa proaktif, organisasi MPT sentiasa akan dihormati, dihargai dan diyakini oleh pelanggan dan penduduk. Dengan ini, tradisi kecemerlangan MPT akan terus berada di tahap yang membanggakan ... seluruh warga kerja MPT akan 'tenang dengan keberkatan rezeki' dan pelanggan sentiasa berpuashati dengan perkhidmatan yang berkualiti. Bekerjalah dengan proaktif dan sentiasa memberi perkhidmatan terbaik. Selamat menjalankan tugas dengan penuh integriti.

'Perancangan Itu Penting Namun Waktu Lebih Berharga. Jika Kita Mahu Berjaya Dalam Perancangan Maka Hendaklah Kita Menghargai Waktu'.

SELAMAT MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN KE 57 - 31 OGOS 2014

Malaysia... Di Sini Lahirnya Sebuah Cinta'

SELAMAT MENYAMBUT ULANG TAHUN MPT KE 35 - 1 SEPTEMBER 2014...

Tahniah MPT



**SELAMAT DATANG
KE**
Taiping
Bandar Puisan

Taiping
From

4.85009, 100.751492



KILANG ARANG
KUALA SEPETANG

15 4.856237, 100.735186



KOLAM AIR PANAS
TRONG

17 5.058114, 100.677795



KLIP-KLIP
(KAMPUNG DEW)

19 4.861443, 100.730839



BUKIT LARUT
(MAXWELL HILL)

14 4.943197, 100.733116



MEE UDANG
KUALA SEPETANG

16 4.857169, 100.745003



CORONATION POOL
(KOLAM REANGAWANG)

18 4.91036, 100.727234



TAMAN TASKI
KAMUNTING

8 4.857169, 100.747876



BURMESE POOL

10 4.848102, 100.6335052



PUSAT EKO PELAJARAN
HUTAN PAYAUT
MATANG

12 4.848102, 100.6335052



TAMAN TASKI
TAIPEING

7 4.857169, 100.747876



TAIPEING GOLF
RESORT

9 4.848102, 100.6335052



MUZIUM KUALA
SEPETANG
(KOTA NGAH IBRAHIM)

11 4.843312, 100.672989



RESTORAN ANSARI
FAMOUS CENDOL

2 4.851522, 100.731275



MUZIUM PERAK

4 5.025283, 100.760193



doli
KUIH TEOW
GORENG DOTI

6 4.840012, 100.6741752



STESEN KERETAPI
TAIPEING

1 4.851522, 100.731275



THE FIRST
ESPPLANADE

3 4.986977, 100.749206



GALERIA PERTAMA
STATION FMS TAIPEING

5 4.840012, 100.6741752

*Terima Kasih
Dan Jasamu Tetap Dikenang.*

Selamat Majit Jaya

Tuan Shahrom bin Dato' Abd Malik

Mantan Yang Dipertua MPT ke-14

17 Oktober 2011 - 14 April 2014

Majlis Serah Tugas

Majlis Makan Malam Perpisahan
Bersama Wargakerja MPT

